

>> Selangor mencatatkan kes tertinggi
iaitu 47,672 dengan 71 kematian

24-12-201

setempat

15

HARIAN METRO

CARI, MUSNAH AEDES

■ Longgokan sampah
sumbang sembilan peratus
kepada pembiakan aedes

Mahaizura Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my


Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengandakan usaha bersepadu bersama pelbagai agensi kerajaan berkaitan yang lain dengan menganjurkan kempen kesedaran serta pendekatan cari dan musnah sarang pembiakan aedes bagi membanteras gejala wabak denggi.

Inisiatif itu digerakkan se-

kawasan tanah atau lot kosong kerana hasil paman-

tegrasi Nasional Malaysia (JPNIN) turut mengadakan



Putrajaya

Pos Kemar diserang malaria

Setakat Rabu lalu, seramai 137 penduduk Pos Kemar, Hulu Perak termasuk 79 daripadanya kanak-kanak dikesan positif malaria.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, berdasarkan pecahan, mereka terdiri daripada 72 lelaki dan 65 perempuan, manakala malaria yang dikesan ialah Plasmodium

**SITUASI DENGGI DI MALAYSIA
DARI JANUARI HINGGA 19 NOVEMBER 2016
DAN TEMPOH SAMA 2015**

Info

| Negeri | 2016 | | 2015 | |
|---------------------|---------------|------------|----------------|------------|
| | Kes | Kematian | Kes | Kematian |
| 1. Perlis | 176 | 1 | 207 | 1 |
| 2. Kedah | 873 | 3 | 854 | 12 |
| 3. Pulau Pinang | 2,377 | 12 | 4,940 | 16 |
| 4. Perak | 3,312 | 10 | 8,642 | 24 |
| 5. Selangor | 47,672 | 71 | 5,6263 | 115 |
| 6. KL dan Putrajaya | 7,939 | 18 | 7,408 | 33 |
| 7. N. Sembilan | 2,517 | 24 | 2,103 | 13 |
| 8. Melaka | 2,054 | 7 | 2,071 | 6 |
| 9. Johor | 10,037 | 21 | 13,897 | 40 |
| 10. Pahang | 2,661 | 9 | 2,516 | 13 |
| 11. Terengganu | 1,931 | 19 | 1,113 | 3 |
| 12. Kelantan | 5,522 | 10 | 2,543 | 7 |
| 13. Sarawak | 2,503 | 7 | 1,776 | 3 |
| 14. Sabah | 3,304 | 2 | 2,422 | 7 |
| 15. Labuan | 13 | 0 | 2 | 0 |
| JUMLAH | 92,891 | 214 | 106,757 | 293 |

Harim retro
24/12/16
m15-15



lepas melihat trend kes demam denggi pada tahun sebelumnya yang tidak konsisten jumlahnya selain jangkaan berlaku peningkatan kes pada akhir tahun ini dan awal tahun depan.

Antara langkah proaktif dilakukan baru-baru ini, KKM bersama enam Kementerian lain melalui Jawatankuasa Mengenai Denggi Peringkat Kebangsaan menganjurkan program Gotong-Royong Mega Bersepadu Perangi Aedes yang dilaksanakan secara serentak di seluruh negara.

Aktiviti gotong-royong mega difokuskan kepada

lepas KKM sepanjang tahun ini, menunjukkan longgokan sampah di tanah atau lot kosong menyumbang sembilan peratus kepada pembiakan aedes.

Bagi menyahut saranan itu, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) juga mengarahkan semua Kem Tentera Darat melaksanakan gotong-royong bermula 23 September di seluruh negara mengikut jadual kem masing-masing.

Kementerian Pendidikan Malaysia mengadakan gotong-royong di seluruh sekolah pada bulan ini manakala Polis Diraja Malaysia (PDRM) menganjurkan gotong-royong di semua kuarters PDRM di Hulu Kelang.

Selain itu, Kementerian Komunikasi dan Multimedia memainkan peranan dengan memberi slot penyiaran di media massa untuk kempen cegah denggi serta aktiviti gotong-royong mega selain aktiviti gotong-royong di Masjid Muhammadi Angkasapuri.

Pada masa sama, Jabatan Perpaduan Negara dan In-

gotong royong dalam kawasan rukun tetangga (KRT) termasuk Tabika Perpaduan serta Taska PERMATA Perpaduan di bawah seliaan JP-NIN.

Bermula Januari hingga 19 November lalu situasi denggi di Malaysia menunjukkan penurunan apabila sebanyak 92,891 kes membabitkan 214 kematian dilaporkan berbanding 106,757 kes dengan 293 kematian dilaporkan dalam tempoh sama tahun lalu.

Selangor mencatatkan kes tertinggi iaitu 47,672 dengan 71 kematian diikuti Johor (10,037) dan 21 kematian manakala Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya meningkat daripada 7,408 (2015) kepada 7,939 tahun ini.

Jumlah kes di Kelantan juga dilihat meningkat dengan 5,522 kes berbanding hanya 2,543 tahun sebelumnya diikuti Sabah 3,304 daripada 2,422 (2015), Negeri Sembilan 2,517 daripada 2,103 (2015) serta Sarawak 2,503 berbanding 1,776 pada tahun lalu.

Vivax dan satu kes didapati positif Plasmodium Falciparum.

Menurutnya, Pos Kemar adalah kawasan diisytiharkan bebas malaria (kawasan hijau) lebih tiga tahun lalu.

“Bagi mengekang, penularan jangkitan ini, aktiviti pemeriksaan darah beramai-ramai (MBS) sudah dilakukan bagi mengesan kes lain.

“Sehubungan itu, semua penduduk menjalani pemeriksaan dan diambil sampel darah mereka untuk pemeriksaan mikroskopi bagi mengesan jangkitan malaria, sama ada mereka mempunyai gejala jangkitan atau tidak,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Katanya, bermula 17 November lalu, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Perak dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Hulu Perak melaksanakan aktiviti MBS membabitkan 17 kampung di Pos Kemar dengan seramai 4,189 penduduk.